



## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN PELAJARAN MARA PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI *TERTIARY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP)***

**2024**

### **1.0 PENGENALAN**

Majlis Amanah Rakyat (MARA) menawarkan permohonan pinjaman pelajaran dalam bentuk **Pinjaman Boleh Ubah (PBU)** kepada pelajar **peringkat Ijazah Sarjana Muda** bagi melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) terpilih di **dalam negara** mengikut bidang tertentu.

### **2.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**

Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:-

#### **2.1 Syarat Umum**

- 2.1.1 Pemohon **DAN** salah seorang ibu **ATAU** bapa adalah bertaraf Bumiputera **DAN** warganegara Malaysia.
- 2.1.2 Had umur pemohon pada **31 Disember 2024** adalah tidak melebihi 40 tahun semasa permohonan dibuat.
- 2.1.3 Tidak menerima tajaan/bantuan kewangan daripada mana-mana penaja/agensi lain bagi peringkat pengajian yang sama.

- 2.1.4 Pemohon dan penjamin adalah warganegara Malaysia pemastautin yang tidak diisyihar muflis (rujuk kelayakan menjadi penjamin di Panduan Permohonan).
- 2.1.5 Pemohon/Ibu/Bapa/Penjaga Sah/Penjamin/Pasangan tidak termasuk dalam senarai hitam (*blacklisted*) MARA atau dalam tindakan Undang-Undang MARA.
- 2.1.6 Pemohon perlu mempunyai kesihatan yang baik dan bebas dari sebarang penyakit kronik untuk melanjutkan pengajian (senarai penyakit kronik rujuk di **Lampiran GP1**). Pengesahan tahap kesihatan (*medical examination report*) perlu dilakukan sekiranya pemohon menerima tawaran TESP.
- 2.1.7 Pemohon tidak pernah ditamatkan bantuan oleh mana-mana badan penaja atas sebab tindakan disiplin, menyalahi undang-undang negara dan tidak pernah diberhentikan pengajian oleh mana-mana IPT atau berhenti atas masalah disiplin/akademik.
- 2.1.8 Pemohon yang telah memiliki kelayakan akademik bagi peringkat pengajian yang sama atau dinilai setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda **TIDAK** akan dipertimbangkan.
- 2.1.9 Pemohon yang telah menerima tawaran pinjaman pelajaran MARA bagi peringkat pengajian yang sama / setaraf **TIDAK BOLEH** memohon program TESP.
- 2.1.10 Bagi pemohon yang sedang dalam perkhidmatan/bekerja perlu mendapat pelepasan/kelulusan cuti belajar atau pengesahan bertulis daripada majikan. Manakala pemohon yang mendapat tajaan pinjaman pelajaran daripada badan penaja lain di peringkat pengajian sebelum ini perlu mendapat penangguhan bayaran balik pinjaman.

- 2.1.11 Pemohon telah memenuhi semua syarat kelayakan akademik yang ditetapkan bagi mengikuti kursus yang dipilih. Salinan sijil akademik di peringkat pengajian tertinggi perlu disertakan (rujuk senarai semak muat naik dokumen di Panduan Permohonan).
- 2.1.12 Skrol dan transkrip peperiksaan bagi sijil akademik yang menggunakan bahasa selain Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris perlu diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris dan disahkan oleh pihak universiti asal atau Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

## 2.2 Syarat Khusus

- 2.2.1 Permohonan TESP dibuka kepada pelajar dan di IPT seperti berikut :-

Kategori Pemohon	IPT
<b>Pelajar Baharu</b> dan <b>Pelajar Sedia Ada</b>	i. Institusi Pendidikan MARA (IPMA) ii. Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) iii. <i>Government Link University</i> (GLU) dan iv. Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) - laluan alternatif
<b>Pelajar Sedia Ada</b>	Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) - laluan perdana Bagi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), hanya terbuka kepada pelajar selain pegawai kadet.

2.2.2 Pelajar Baharu adalah pelajar yang :

2.2.2.1 **telah mendaftar dan baru memulakan pengajian** peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPT sebelum tarikh iklan TESP ditutup; dan

2.2.2.2 memenuhi syarat kelayakan akademik seperti berikut :-

Kelayakan	Syarat kelayakan akademik
Asasi / Matrikulasi / Persediaan / STPM / Diploma (termasuk DKM, DVM, DLKM & DVM)	Memperolehi keputusan peperiksaan sekurang-kurangnya: i. bidang selain perubatan dan pergigian : <b>CGPA 3.30</b> ; atau ii. bidang perubatan dan pergigian : <b>CGPA 3.50</b>
A-Level	Memperolehi keputusan peperiksaan sekurang-kurangnya: <b>6 mata</b> dalam 3 subjek termasuk subjek Matematik sekurang-kurangnya Gred C;
International Baccalaureate (IB)	Memperolehi keputusan peperiksaan sekurang-kurangnya: <b>24 mata</b> termasuk Matematik sekurang-kurangnya 4 mata;
Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	Memperolehi keputusan peperiksaan sekurang-kurangnya: <b>Jayyid Jidan</b> (80% dan ke atas);
<b>DAN</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>i. memperolehi kelayakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) : Kredit subjek Bahasa Melayu dan Lulus subjek Sejarah; dan</li><li>ii. syarat-syarat akademik lain yang ditetapkan MARA; dan</li><li>iii. syarat-syarat akademik lain yang ditetapkan IPT; atau/dan</li><li>iv. syarat-syarat Badan Profesional/Bertauliah bagi mengikuti kursus..</li></ul>	

2.2.3 Pelajar Sedia Ada adalah pelajar yang :

2.2.3.1 **sedang mengikuti pengajian** dan telah mempunyai **keputusan peperiksaan semester terdahulu** di peringkat Ijazah Sarjana Muda sebelum tarikh iklan ditutup; dan

2.2.3.2 baki tempoh pengajian tidak kurang daripada 12 bulan dari tarikh permohonan dibuat **TIDAK** termasuk semester terkini/semasa; dan

2.2.3.3 memenuhi syarat kelayakan akademik berikut :-

Bidang / Kursus	Syarat kelayakan akademik
Bidang <b>SELAIN</b> perubatan dan pergigian	Memperolehi keputusan <b>peperiksaan semester sebelum</b> dengan sekurang-kurangnya <b>CGPA 3.30</b> ;
Bidang perubatan dan pergigian	Memperolehi keputusan peperiksaan semester sebelum <b>LULUS atau/dan</b> dengan sekurang-kurangnya <b>CGPA 3.50</b> ;
<b>DAN</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>i. memperolehi kelayakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) : Kredit subjek Bahasa Melayu dan Lulus subjek Sejarah; dan</li><li>ii. syarat-syarat akademik lain yang ditetapkan MARA; dan</li><li>iii. syarat-syarat akademik lain yang ditetapkan IPT; atau/dan</li><li>iv. syarat-syarat Badan Profesional/Bertauliah bagi mengikuti kursus.</li></ul>	

2.2.4 Pemohon yang akan atau sedang mengikuti pengajian di IPT adalah :-

2.2.4.1 **tidak** termasuk yang menangguh pengajian atau digantung pengajian atas pelbagai sebab; dan

2.2.4.2 secara sepenuh masa sahaja **tidak termasuk** pengajian secara **separuh masa, jarak jauh (ODL), dalam talian dan program berkembar**.

- 2.2.5 Kelayakan akademik bagi kursus perubatan, pergigian farmasi dan kejururawatan mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Badan-Badan Profesional/Bertauliah berkaitan.
- 2.2.6 Kursus yang diikuti telah mendapat **akreditasi penuh (FA)** oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau mendapat pengiktirafan Badan-Badan Profesional/Bertauliah yang berkaitan seperti Majlis Peguam, *Malaysian Medical Council (MMC)*, Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), *Board of Engineers Malaysia* (BEM) dan sebagainya.
- 2.2.7 Bagi program yang memerlukan temuduga/ujian kelayakan hanya permohonan yang memenuhi syarat dan melepas saringan sahaja akan disenarai pendek untuk menghadiri temuduga/ujian kelayakan. Tiada sebarang rayuan akan diproses sekiranya pemohon gagal disenarai pendek menghadiri temuduga/ujian kelayakan.
- 2.2.8 Sebarang maklumat berkaitan temu duga/ujian kelayakan akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa melalui e-mel/sms.
- 2.2.9 Memenuhi syarat kelayakan Status Sosioekonomi (SES) keluarga seperti berikut:

<b>Kategori Kelayakan</b>	<b>Pendapatan Bulanan</b>	<b>Pendapatan Bercukai Tahunan</b>
Yuran Pengajian & Elaun-elaun lain	RM12,000 dan ke bawah	RM150,000 dan ke bawah
Yuran Pengajian sahaja	RM12,001 hingga RM20,000	RM150,001 hingga RM250,000

Nota:

Pendapatan SES keluarga (ibu/ayah/penjaga sah) tidak melebihi RM20,000 pendapatan bulanan atau RM250,000 pendapatan bercukai tahunan.

- 2.2.10 Borang Pendapatan Bercukai Tahunan **perlu disertakan** iaitu bagi :-
- 2.2.10.1 individu pemastutin tidak menjalankan perniagaan :  
**Borang BE** - mempunyai punca pendapatan penggajian dan pendapatan lain; atau
- 2.2.10.2 individu pemastutin menjalankan perniagaan :  
**Borang B** – mempunyai punca pendapatan perniagaan, penggajian dan pendapatan lain.

- 2.2.11 **Pemohon/pelajar di IPMA** perlu merujuk kepada *Person In Charge* (PIC) di IPMA masing-masing sebelum membuat permohonan TESP.

### **3.0 TEMPOH DAN KELAYAKAN JENIS PINJAMAN PELAJARAN**

- 3.1 Tempoh tawaran pinjaman pelajaran akan bermula dari **semester semasa** iaitu ketika permohonan dikemukakan dan berdasarkan tempoh tamat pengajian sebenar tertakluk kepada syarat kelulusan.
- 3.2 Pemohon perlu menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan MARA. **TIADA** tambahan tempoh pengajian dan peruntukan pinjaman sekiranya tidak menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.
- 3.3 Kelayakan pinjaman pelajaran dalam tempoh pinjaman yang diluluskan merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup (ESH) dan elaun-elaun lain (sekiranya ada) tertakluk kepada kelulusan. **Bagi pemohon yang sedang bekerja hanya layak yuran pengajian sahaja.**

- 3.4 Kelayakan pinjaman di para 3.3 juga adalah berdasarkan kepada maklumat asal pemohon semasa permohonan dibuat. Sebarang permohonan untuk tambahan/pindaan kelayakan pinjaman selain daripada yang telah diluluskan **TIDAK** akan dipertimbangkan.

(Contoh: sekiranya ibu/bapa/penjaga sah yang mempunyai Pendapatan Bercukai Tahunan (Penyata BE atau B) **tetapi tidak** memuat naik salinan Penyata BE atau B terkini dan hanya memuat naik Penyata Gaji bulanan maka pertimbangan kelayakan jenis pinjaman (sama ada yuran sahaja atau yuran dan elaun-elaun) akan hanya mengambil kira Penyata Gaji bulanan yang telah dimuat naik semasa permohonan dibuat).

#### **4.0 SENARAI IPT DAN BIDANG/KURSUS YANG DITAJA DI BAWAH TESP**

- 4.1 Permohonan TESP adalah di **peringkat Ijazah Sarjana Muda** bagi pengajian **secara sepenuh masa** di IPT terpilih dalam negara dan dalam kursus tertentu berdasarkan senarai yang telah ditetapkan sahaja (rujuk senarai IPT dan kursus di **Lampiran GP2**).
- 4.2 Keutamaan bidang/kursus adalah berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).
- 4.3 Bidang/kursus yang **tiada / tidak ditaja** dalam pinjaman pelajaran ini adalah :-
- 4.3.1 bidang/kursus pendidikan;
  - 4.3.2 bidang yang memerlukan pelajar mengambil jenis-jenis lesen seperti lesen penerbangan, lesen menyelam dan sebagainya;
  - 4.3.3 kursus francais IPT bersama IPT dalam dan luar negara;
  - 4.3.4 kursus berkembar / ijazah dual / *double degree* / kerjasama;
  - 4.3.5 kursus separa perubatan dan pra-perkhidmatan di kementerian / agensi; dan
  - 4.3.6 semua kursus yang tidak mematuhi syarat kelayakan pinjaman pelajaran MARA.

- 4.4 Sistem permohonan MyEduloan memaparkan semua senarai IPT dan kursus, walau bagaimanapun pemohon perlu membuat pilihan IPT dan kursus merujuk kepada senarai di Lampiran GP2 sahaja. **Pilihan permohonan selain senarai** di Lampiran GP2 adalah **tidak layak** untuk dipertimbangkan.

## 5.0 TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan dibuka secara dalam talian (*online*) sahaja mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan. **Tiada** permohonan secara manual sama ada melalui surat, borang, e-mel atau apa sahaja cara selain permohonan di atas talian sistem MyEduloan.
- 5.2 Permohonan perlu dibuat secara dalam talian (*online*) melalui sistem MyEduloan: <https://educationloan.mara.gov.my> bermula **26 November 2024 (Selasa)** sehingga **05 Disember 2024 (Khamis), 11.59 pagi**.
- 5.3 Pemohon perlu **membaca, meneliti dan memahami Manual Permohonan ini iaitu Garis Panduan Permohonan, Panduan Permohonan dan Soalan Lazim (FAQ)** sebelum mengisi maklumat.
- 5.4 Pemohon yang memohon program ini adalah tertakluk kepada semua syarat dan peraturan yang dinyatakan dalam Manual Permohonan di para 5.3 di atas.
- 5.5 Panduan lengkap mengenai dokumen sokongan yang perlu dimuat naik ke dalam sistem MyEduloan adalah seperti yang tertera dalam manual **Panduan Permohonan** Pinjaman Pendidikan MARA (rujuk senarai semak muat naik dokumen mandatori di **Lampiran GP3**).
- 5.6 Pemohon hendaklah memastikan **maklumat diisi dengan lengkap** sebelum permohonan dihantar.
- 5.7 Permohonan yang telah dihantar **TIDAK BOLEH diubah dan dikemas kini**.

- 5.8 Cetakan ‘slip pengesahan permohonan telah dihantar’ menunjukkan permohonan telah dibuat. Slip pengesahan tersebut tidak bermaksud bahawa permohonan yang dihantar adalah lengkap dan layak diproses. Pemohon perlu menyemak status permohonan yang telah dihantar dari semasa ke semasa di sistem MyEduloan.
- 5.9 Permohonan yang tidak lengkap, lewat dihantar atau/dan tidak memenuhi syarat/kriteria yang telah ditetapkan adalah **tidak layak dan tidak akan diproses**.
- 5.10 MARA pada bila-bila masa boleh membuat sebarang perubahan kepada tawaran permohonan ini termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu memberikan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 5.11 Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA **selepas 90 hari** daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap **tidak berjaya** dan **keputusan adalah muktamad**.
- 5.12 Hanya pemohon yang **berjaya dan menerima tawaran sahaja perlu mencetak dan menghantar dokumen berkaitan** kepada pihak MARA dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan MARA atau pada tempoh yang akan ditetapkan.

## 6.0 KUOTA TAWARAN PINJAMAN

- 6.1 Kuota bagi pertimbangan tawaran pinjaman pelajaran MARA ini adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada, merit kelayakan akademik dan syarat SES serta perubahan dasar MARA dari semasa ke semasa.
- 6.2 Pihak MARA tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

- 6.3 Pemohon yang berjaya ditawarkan dan bersetuju menerima tawaran pinjaman pelajaran di bawah program ini tertakluk kepada terma-terma perjanjian yang akan ditandatangani.
- 6.4 MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pinjaman yang telah dikeluarkan tanpa memberikan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu sekiranya didapati perlu atau/dan pemohon memberi maklumat palsu atau/dan maklumat bercanggah yang mana butiran diisi dalam permohonan berbeza dengan butiran pada salinan dokumen yang disertakan/dimuat naik.

## 7.0 PERTANYAAN

- 7.1 Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui e-mel dari 09.00 pagi hingga 04.30 petang (Isnin-Jumaat) seperti berikut:
  - 7.1.1 mengenai program, sila e-mel ke :
    - a) [tespua@mara.gov.my](mailto:tespua@mara.gov.my) (bagi permohonan di IPTA)
    - b) [tespipts@mara.gov.my](mailto:tespipts@mara.gov.my) (bagi permohonan di IPTS)
    - c) [tespglugmi@mara.gov.my](mailto:tespglugmi@mara.gov.my) (bagi permohonan di GLU dan GMI)
    - d) [tespunikl@mara.gov.my](mailto:tespunikl@mara.gov.my) (bagi permohonan di UniKL)
    - e) [tespkptm@mara.gov.my](mailto:tespkptm@mara.gov.my) (bagi permohonan di UPTM/KPTM)
    - f) [upim.bpt@mara.gov.my](mailto:upim.bpt@mara.gov.my) (bagi permohonan di KPM)
  - 7.1.2 mengenai masalah teknikal semasa permohonan, sila e-mel ke:  
[ictbpp@mara.gov.my](mailto:ictbpp@mara.gov.my)

\* e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja.

### PENTING:

MARA BERHAK MEMINDA **MANUAL PERMOHONAN** (GARIS PANDUAN PERMOHONAN, PANDUAN PERMOHONAN DAN SOALAN LAZIM (FAQ)) INI DARI SEMASA KE SEMASA TANPA SEBARANG NOTIS MAKLUMAN.

## LAMPIRAN GP1

### JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

1.	<b>Kanser</b> Penyakit yang disebabkan oleh ketumbuhan dan penularan sel-sel yang sangat merbahaya dan serangan tisu-tisu dibuktikan dengan <i>histology</i> yang jelas. Penyakit ini merangkumi <i>leukemia lymphoma</i> dan penyakit <i>hodgkin</i> tetapi tidak termasuk ketumbuhan yang tidak merbahaya dan semua jenis kanser kulit kecuali <i>malignat melanoma</i> .
2.	<b>Serangan Jantung</b> Suatu keadaan yang timbul kerana matinya sebahagian daripada otot jantung disebabkan pembekalan darah yang kurang ke bahagian jantung yang relevan dengan tanda-tanda seperti sakit dada, perubahan ECG dan tahap enzim jantung yang meningkat. Serangan sakit jantung boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:- i. <b>Pengantian atau pemberaan injap jantung</b> Prosedur yang mana pembedahan jantung terbuka dilakukan untuk mengganti atau memperbaiki injap jantung yang telah rosak. ii. <b>Pembedahan arteri jantung / coronary angioplasty</b> Prosedur yang melibatkan <i>coronary artery bypass surgery</i> dilakukan untuk membetulkan arteri jantung yang tersumbat termasuk <i>angioplasty</i> . iii. <b>Pembedahan aorta</b> Prosedur yang melibatkan bahagian <i>aorta</i> yang sakit dibedah dan digantikan dengan <i>graft</i> . <i>Aorta</i> yang terlibat ialah <i>thoracic</i> dan <i>abdominal aorta</i> .
3.	<b>Pulmonary Hypertension</b>
4.	<b>Sakit buah pinggang yang kronik</b> Penyakit yang mana kedua-dua buah pinggang telah gagal dipulihkan dan tidak boleh berfungsi lagi dan memerlukan <i>dialysis renal</i> dan pemindahan <i>renal</i> .
5.	<b>Sakit hati (liver) yang kronik</b> Tanda-tanda penyakit ialah diserang penyakit <i>jaundice, ascites</i> dan/atau <i>hepatic encephalopathy</i> .
6.	<b>Fulminant Viral Hepatitis</b> <i>Necrosis</i> hati sepenuh atau sebahagian disebabkan virus hepatitis yang mengakibatkan kegagalan hati selepas ujian fungsi hati dilakukan yang juga menunjukkan <i>massive parenchymal liver disease</i> dan juga tanda-tanda <i>portosystemic encephalopathy</i> .
7.	<b>Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan</b> Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan (termasuk kerana diserang) mengakibatkan trauma kepala teruk dengan <i>neurological deficit</i> yang juga boleh mengakibatkan kematian apabila pertama kali dimasukkan ke wad kecemasan atau walaupun selamat, pesakit mengalami kecederaan kepala yang kekal atau lumpuh. Pengesahan pakar saraf atau pakar bedah saraf mestilah diperolehi.
8.	<b>Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak</b> Pengesahan mestilah diperolah daripada pakar saraf atau pakar bedah saraf.
9.	<b>Melepuh dan melecur kerana kebakaran</b> <i>Third degree burns</i> yang meliputi 40% daripada anggota yang boleh mengakibatkan kepada kematian apabila pertama kali dimasukkan ke hospital atau mengakibatkan kecacatan fungsi atau kecacatan kosmetik yang memerlukan pembedahan membaik pulih.
10.	<b>Pemindahan organ utama</b> Pemindahan organ seperti buah pinggang, hati jantung, paru-paru, pankreas dan tulang som-som.
11.	<b>Penyakit Parkinson</b>
12.	<b>Penyakit HIV dan AIDS</b>
13.	<b>Pemindahan kaki dan/atau tangan</b> Dalam ertikata sebenar, ini bukan merupakan penyakit. Ini adalah disebabkan kecederaan dan ketidak sempurnaan disebabkan penyakit atau kemalangan boleh mengakibatkan salah satu daripada anggota tangan sebelah atas termasuk kaki dan sendi pinggul terpaksa dipotong. Pemotongan kecil jejari kaki atau tangan juga adalah termasuk dalam kategori ini.
14.	<b>Chronic skin disease :</b> Psoriasis, Phempigus, Steven-Johnson Syndrome
15.	<b>Mental Illness :</b> Bipolar Disorders, Schizophrenia, Major Depression
16.	<b>Endocrine Disease :</b> Diabetes Mellitus with Complications
17.	<b>Rheumatology :</b> Rhemathoid Arthritis, Systemic Lupus Erythemathousus (SLE), Scleroderma, Mixed Connective Tissue Disorder, Ankylosing Spondylitis, Chronic Topacus Gout
18.	<b>Thalassemia Major</b>

**LAMPIRAN GP2**

**SENARAI IPT DAN BIDANG/KURSUS TESP 2024**

BIL.	IPT	KATEGORI PEMOHON/PELAJAR	MUKA SURAT
1	INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) : LALUAN PERDANA	PELAJAR SEDIA ADA	14 - 21
2	INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) : LALUAN ALTERNATIF	PELAJAR BAHARU DAN PELAJAR SEDIA ADA	22 - 23
3	GOVERNMENT LINKED-UNIVERSITY (GLU)	PELAJAR BAHARU DAN PELAJAR SEDIA ADA	24 - 25
4	INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)	PELAJAR BAHARU DAN PELAJAR SEDIA ADA	26 - 31
5	INSTITUSI PENDIDIKAN MARA (IPMA)	PELAJAR BAHARU DAN PELAJAR SEDIA ADA	Rujuk P/C IPMA

<b>A)</b>	<b>INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) : LALUAN PERDANA</b>	<b>1/8</b>
	<b>BAGI PELAJAR SEDIA ADA SAHAJA</b>	
<b>BIL.</b>	<b>KURSUS</b>	
<b>1. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)</b>		
1	Bachelor of Accounting (Honours)	
2	Bachelor of Economics (Honours)	
3	Bachelor of Human Sciences – Psychology (Honours)	
4	Bachelor of Islamic Revealed Knowledge and Heritage (Fiqh and Usul Al-Fiqh) (Honours)	
5	Bachelor of Islamic Revealed Knowledge and Heritage (Qur'an and Sunnah Studies) (Honours)	
6	Bachelor of Islamic Revealed Knowledge and Heritage in Arabic Language and Literature (Honours)	
7	Bachelor Of Islamic Revealed Knowledge and Heritage in Usul Al-Din and Comparative Religion (Honours)	
8	Bachelor of Laws (Honours)	
9	Bachelor of Laws (Shari'ah) (Honours)	
10	Bachelor of Optometry (Honours)	
11	Bachelor of Science (Architectural Studies) (Honours)	
12	Bachelor of Finance (Islamic Finance) (Honours)	
13	Bachelor of Civil Engineering with Honours	
14	Bachelor of Electrical and Electronic Engineering with Honours	
15	Bachelor of Chemical Engineering with Honours	
16	Bachelor of Mechanical Engineering with Honours	
17	Bachelor of Mathematical Sciences (Honours)	
<b>2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</b>		
1	Bachelor of Nursing with Honours	
2	Bachelor of Science in Emergency Medicine with Honours	
3	Bachelor of Science with Honours (Food Science and Nutrition)	
4	Bachelor of Science with Honours (Biology)	
5	Bachelor of Science with Honours (Statistics)	
6	Bachelor of Science with Honours (Environmental Science)	
7	Bachelor of Science with Honours (Physics)	
8	Bachelor of Science with Honours (Chemistry)	
9	Bachelor of Science with Honours (Geology)	
10	Bachelor of Science with Honours (Nuclear Science)	

<b>A)</b>	<b>INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) : LALUAN PERDANA BAGI PELAJAR SEDIA ADA SAHAJA</b>	<b>2/8</b>
<b>BIL.</b>	<b>KURSUS</b>	
<b>2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</b>		
11 Bachelor of Science with Honours (Chemical Technology)		
12	Bachelor of Science with Honours (Genetics)	
13	Bachelor of Islamic Studies with Honours (Shariah)	
14	Bachelor of Islamic Studies with Honours (Arabic Studies and Islamic Civilization)	
15	Bachelor of Islamic Studies with Honours (Al-Quran and Al-Sunnah Studies)	
16	Bachelor of Social Sciences with Honours (Psychology)	
17	Bachelor of Optometry with Honours	
<b>3. Universiti Malaya (UM)</b>		
1	Bachelor of Science in Chemistry	
2	Bachelor of Science in Ecology and Biodiversity	
3	Bachelor of Science in Physics	
4	Bachelor of Science in Environmental Management	
5	Bachelor of Science in Biochemistry	
6	Bachelor of Science in Mathematics	
7	Bachelor of Science in Biotechnology	
8	Bachelor of Actuarial Science	
9	Bachelor of Science in Statistics	
10	Bachelor of Science in Microbiology and Molecular Genetics	
11	Bachelor of Al-Quran and Al-Hadith	
12	Bachelor of Usuluddin	
13	Bachelor of Shariah and Law	
14	Bachelor of Shariah	
15	Bachelor of Science in Architecture	
<b>4. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)</b>		
1	Bachelor of Minerals Technology with Honours	
2	Bachelor of Applied Science (Forest Resources Technology) with Honours	
3	Bachelor of Energy Technology with Honours	
4	Bachelor of Applied Science (Agrotechnology) with Honours	

<b>A)</b>	<b>INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) : LALUAN PERDANA BAGI PELAJAR SEDIA ADA SAHAJA</b>	<b>3/8</b>
<b>BIL.</b>	<b>KURSUS</b>	
<b>5. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)</b>		
1	Bachelor of Civil Engineering with Honours	
2	B.Eng (Hons.) Mechatronics Engineering	
3	Bachelor of Electronic Engineering Technology (Computer System) with Honours	
4	Bachelor of Engineering Technology (Electrical) with Honours	
5	Bachelor of Engineering Technology (Energy & Environmental) with Honours	
6	Bachelor of Chemical Engineering Technology with Honours	
7	Bachelor of Mechanical Engineering Technology (Petroleum) with Honours	
8	Bachelor of Computer Science (Software Engineering) with Honours	
9	Bachelor of Applied Science in Data Analytics with Honours	
10	Bachelor of Computer Science (Graphics & Multimedia Technology) with Honours	
11	Bachelor of Computer Science (Computer System & Networking) with Honours	
<b>6. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)</b>		
1	Bachelor of Chemical Engineering with Honours	
2	Bachelor of Civil Engineering with Honours	
3	Bachelor of Electrical Engineering with Honours	
4	Bachelor of Electronic Engineering with Honours	
5	Bachelor of Materials Engineering with Honours	
6	Bachelor of Mechanical Engineering with Honours	
7	Bachelor of Mechatronic Engineering with Honours	
<b>7. Universiti Malaysia Sabah (UMS)</b>		
1	Bachelor of Chemical Engineering with Honours	
2	Bachelor of Computer Science with Honours (Software Engineering)	
3	Bachelor of Food Science with Honours (Food Science and Nutrition)	
4	Bachelor of Science with Honours (Biotechnology)	
5	Doctor of Medicine	

<b>A)</b>	<b>INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) : LALUAN PERDANA BAGI PELAJAR SEDIA ADA SAHAJA</b>	<b>4/8</b>
<b>BIL.</b>	<b>KURSUS</b>	
<b>8. Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS)</b>		
1	Bachelor of Science with Honours Aquatic Resource Science and Management	
2	Bachelor of Engineering with Honours (Chemical Engineering)	
3	Bachelor of Software Engineering with Honours	
4	Bachelor of Electrical and Electronics Engineering with Honours	
5	Bachelor of Science in Agrotechnology with Honours	
6	Bachelor of Nursing with Honours	
7	Doctor of Medicine	
<b>9. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)</b>		
1	Bachelor of Food Science (Food Technology) with Honours	
2	Bachelor of Science (Biological Sciences) with Honours	
3	Bachelor of Science (Marine Biology) with Honours	
4	Bachelor of Science (Marine Science) with Honours	
5	Bachelor of Science in Aquaculture with Honours	
<b>10. Universiti Putra Malaysia (UPM)</b>		
1	Bachelor of Science (Honours) - Major in Chemistry	
2	Bachelor of Science (Honours) - Major in Petroleum Chemistry	
3	Bachelor of Science (Honours) - Major in industrial Chemistry	
4	Bachelor of Environmental Science and Technology	
5	Bachelor of Environmental Management	
6	Bachelor of Food Science and Technology	
7	Bachelor of Science (Environmental and Occupational Health)	
8	Bachelor of Science (Biomedical Sciences)	
9	Bachelor of Technology in Smart Agriculture with Honours	
10	Bachelor of Science (Honours) - Major in Mathematics	
<b>11. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)</b>		
1	Bachelor of Economics (Islamic Finance) With Honours	

<b>A)</b>	<b>INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) : LALUAN PERDANA BAGI PELAJAR SEDIA ADA SAHAJA</b>	<b>5/8</b>
<b>BIL.</b>	<b>KURSUS</b>	
<b>12. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)</b>		
1	Doctor of Medicine	
2	Bachelor of Civil Engineering with Honours	
3	Bachelor of Electrical and Electronic Engineering (Communications)	
4	Bachelor of Operations Research with Data Science	
5	Bachelor of Mechanical Engineering with Honours	
6	Bachelor of Computer Science (Intelligent Systems)	
<b>13. Universiti Sains Malaysia (USM)</b>		
1	Bachelor of Interior Architecture (Honours)	
2	Bachelor of Building Engineering Technology (Honours)	
3	Bachelor of Science (Honours) (Biology)	
4	Bachelor of Applied Science (Honours) (Geophysics)	
5	Bachelor of Applied Science (Honours) (Medical Physics)	
6	Bachelor of Applied Science (Honours) (Analytical Chemistry)	
7	Bachelor of Applied Science (Honours) (Industrial Chemistry)	
8	Bachelor of Applied Science (Honours) (Mathematics and Economics)	
9	Bachelor of Computer Science (Honours)	
10	Bachelor of Accounting (Honours)	
11	Bachelor of Economic (Honours)	
